



SAFETY ALERT



JKKP/DOSH

KEGAGALAN KREN MENARA LUFFING



Satu kemalangan telah berlaku melibatkan kren menara jenis luffing di dalam tapak pembinaan dimana struktur boom kren telah jatuh dan patah. Lalu menghempap empat orang pekerja yang melakukan kerja-kerja pemasangan *formwork* di aras 1. Ketika itu kren sedang bergerak tanpa mengangkat sebarang beban. Kejadian berlaku lebih kurang jam 10.40 pagi, menyebabkan 1 orang pekerja maut dan 3 orang pekerja cedera.

Oleh itu, untuk mengelakkan kejadian itu berulang maka langkah-langkah berikut perlu diambil :

- a.pemeriksaan dan penyenggaraan berkala pada struktur mast dan boom kren hendaklah dijalankan mengikut manual kren.
- b.pihek kontraktor / OYB kren hendaklah menjalankan HIRARC bagi kenalpasti potensi bahaya yang mungkin wujud daripada aktiviti-aktiviti kerja di tapak pembinaan.
- c.pihek kontraktor / OYB kren hendaklah pastikan komponen dan peranti keselamatan jentera berfungsi dengan baik.
- d.operator kren hendaklah kendalikan kren mengikut prosidur yang ditetapkan dalam manual serta kaedah kerja.

Maklumat Lanjut:

- i. Garis Panduan Pengenalpastian Hazard, Penaksiran Risiko dan Kawalan Risiko (HIRARC 2008).
- ii. Garis Panduan Public Safety And Health At Construction Sites (Ist Revision:2007).
- iii. Manual Kren Model JTL 140-10-020